

'Kementerian mahu perkukuh sistem maklum balas rakyat'

Laksana pendekatan lebih mesra pengguna, tingkat kecekapan selesai masalah diterima

Kementerian Kerja Raya (KKR) adalah antara kementerian yang penting dalam membantu kerajaan menjayakan agenda pembangunan negara terutama dalam bidang pembinaan dan penyediaan infrastruktur awam seperti jalan raya, bangunan guna sama Persekutuan seperti hospital dan sekolah. Bagaimanapun, tidak ramai menyedari skop dan peranan sebenar dimainkan KKR untuk menjayakan agenda kerajaan itu. Wartawan Kumpulan The New Straits Time Press (M) Bhd (NSTP), Datuk Abdul Jalil Hamid, Arman Ahmad, Mohd Azrone Sarabatin dan Mohd Anwar Patho Rohman berpeluang menemubual Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah Yusof yang sudah empat bulan memimpin kementerian itu bagi mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai perkhidmatan teras KKR dan wawasan beliau apabila diamanahkan menduduki portfolio itu.



Wartawan: Sudah empat bulan Datuk dilantik menjadi Menteri Kerja Raya. Apakah pengalaman menarik setakat ini? Sejauh mana cabaran dihadapi sejak memegang portfolio ini dan apakah wawasan Datuk terhadap kementerian ini?

Fadillah: Kementerian ini agak besar dan memainkan peranan besar dalam pembangunan negara. Cabaran utama yang dihadapi dalam kementerian ini ialah salah faham orang awam terhadap tanggungjawab kementerian ini. Bila saya menyertainya, saya fikir semua JKR di Malaysia di bawah kementerian cuma sekarang saya sedar kebanyakan JKR berada di bawah bidang kuasa negeri.

Sama ada disengajakan atau tidak, sebaik saja saya masuk ke kementerian ini, berlaku insiden besar seperti rangka susur masuk Jambatan Kedua Pulau Pinang runtuh, beberapa bumbung masjid di Terengganu runtuh, insiden tanah runtuh di Ampang dan juga peralatan Mass Rapid Transit (MRT) menghempap pengguna jalan raya. Semua itu memang termasuk dalam skop kerja pembinaan tetapi bukan dalam bidang kuasa kementerian, bukan projek diuruskan kementerian. Ada projek diuruskan swasta. Ia tetap mempunyai kaitan. Seperti projek Jambatan Kedua Pulau Pinang, ia di bawah bidang kuasa LLM.

Saya berfikir, selepas insiden ini berlaku berulang kali, saya menubuhkan pasukan pakar merangkumi profesional seperti arkitek, jurutera, pegawai kesihatan, golongan akademik dan wakil kerajaan untuk melihat semua aspek rantaian nilai dalam industri pembinaan. Saya berharap jawatankuasa kumpulan pakar ini akan selesai menjalankan kajian pada Oktober ini. Penemuan itu akan dibentangkan kepada pihak berkepentingan khasnya kerajaan dan pemain industri. Dari situ kita boleh hasilkan satu amalan pembinaan baik dan etika industri pembinaan yang diterima dan akan diguna pakai semua

pihak berkepentingan.

S: Adakah ini mungkin akan menyebabkan perubahan aspek perundangan?

J: Sudah tentu, kerana ketika ini banyak perkara berhubungkait. Antara kementerian dan jabatan dan semua pihak berkepentingan. Kita sudah ada (peraturan) tapi mungkin tidak dipatuhi atau keengganan mematuhi standard yang sudah ada.

S: Adakah ini disebabkan kelemahan penguatkuasaan kerana kita ada undang-undang dan kod etika, tapi mengapa masih juga berlaku?

J: Ini yang kita hendak tengok daripada penemuan kumpulan pakar ini. Di mana silapnya kita? Adakah tidak mematuhi peraturan atau tidak ada peraturan? Kalau ada, mengapa orang tidak ikut. Ini semua yang perlu kita lakukan bagaimana hendak memperbaikinya. Kalau tidak, ia akan menjejaskan kita kerana Malaysia diiktiraf

di seluruh dunia. Kita negara yang berdaya saing. Kalau kita tengok industri pembinaan banyak pemain yang sudah berjaya ke luar negara.

Kita kena jaga semua aspek ini supaya semua peserta industri dan masyarakat faham yang kita bukan saja menjaga standard dalam negara, tetapi kena bersaing pada peringkat global. Ini yang kritikal dan inilah bidang yang saya tumpu iaitu menjaga standard dan imej industri pembinaan dan pada masa sama menjaga keselamatan bukan saja pekerja tapi industri pembinaan.

S: Berkaitan dengan jalan raya di negara ini, boleh dikatakan setiap kali musim perayaan atau pada waktu puncak, pengguna jalan raya terpaksa menempuh kesesakan lalu lintas. Adakah kementerian mempunyai perancangan membina lebih banyak jalan

raya bertingkat atau membuka lebuh raya baru?

J: Keperluan untuk membina lebuh raya baru untuk mengatasi kesesakan, kita serahkan kepada sektor swasta membuat cadangan mengenai keperluannya. Misalnya Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) yang melakukan kajian di selatan Semenanjung mendapati kesesakan biasanya bermula dari Senawang ke Nilai, Negeri Sembilan. Sama ada musim perayaan atau tidak, kalau ada saja cuti laluan itu akan sesak.

Banyak pihak sedang membuat kajian sekarang ini menyarankan kepada LLM dan kerajaan supaya dibuat satu jalan alternatif bagi mengurangkan tumpuan di lebuh raya PLUS.

Antara cadangannya ialah dengan membina laluan alternatif yang boleh menghubungkan Lebuhraya Kajang Seremban (LEKAS) atau jalan dalam. Kita menerima cadangan ini dan akan mengkaji mengikut keperluan. Kita menyokong mana-mana cadangan untuk penambahan lebuh raya yang boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas. Akan tapi pembinaan jalan saja bukan menjadi penyelesaian utama kesesakan lalu lintas terutama di Kuala Lumpur. Kalau ada lebuh raya bertingkat sampai empat tingkat pun kesesakan akan tetap berlaku disebabkan jumlah kenderaan sentiasa meningkat.

Sebab itu kerajaan melihat kepada keseluruhan terutama bandar besar untuk mengatasinya termasuk meningkatkan kemudahan pengangkutan awam. Penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) misalnya. Unit Perancang Ekonomi (EPU) sedang berbincang dengan SPAD mengkaji menambah baik sistem pengangkutan awam dan laluan jalan. Salah satu cadangan sedang diperincikan ialah di Lebuhraya Persekutuan meng-



"Kita amat terbuka sama ada format atau tidak, termasuk dalam media sosial. Dalam peringkat tertentu, kita kaji untuk menggunakan apa saja teknologi yang ada bagi membolehkan orang ramai mengadu terus kepada kita menerusi gambar atau video"

Fadillah Yusof,
Menteri Kerja Raya